

Headline	Bil TNB mengelirukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	192,982
Page No	30	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,900
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,700

**ELEKTRIK**

Bil TNB mengelirukan

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) kerana memberi penjelasan berhubung caj elektrik yang melebihi 31 hari untuk bil Ogos 2013 bagi akaun 01810010253003.

Sungguhpun penjelasan diberikan, saya berasa dukacita dari aspek ketelusan apabila TNB mampu untuk membuat pengiraan ‘semula’ bil saya mengikut tempoh 30 hari. Ini kerana saya tidak berupaya membuat pengesahan meter elektrik di rumah saya untuk tempoh 30 hari kerana tempoh berkenaan sudah berlalu.

Kaedah pengiraan

Sukar untuk saya mempercayai kaedah pengiraan TNB yang boleh mengetahui setiap hari penggunaan harian elek-

trik saya. Sekiranya bil itu diberikan pada tempoh yang tepat iaitu 31 hari, maka saya akan terus membandingkan bacaan meter elektrik di rumah saya dengan bil sebaik saja saya mendapatkan bil tersebut dari kotak surat rumah saya.

Jika penyelarasan diberikan seperti apa yang berlaku pada penjelasan TNB berhubung bil elektrik Ogos 2013, timbul perasaan curiga dan ketelusan di situ kerana saya tidak dapat mengesahkan.

Bil dikira melebihi 31 hari

Pada September 2013, sekali lagi bil elektrik saya dikira melebihi 31 hari dan kali ini juga 42 hari. Apa yang menghairankan saya, pada 6 September 2013, saya telah dihubungi oleh TNB memperjelaskan kenapa berlaku lebihan kiraan bil saya iaitu 44 hari bagi bil Ogos 2013. Alasan diberikan

pegawai yang menghubungi saya ialah kerana pada bulan itu, pekerja TNB asyik menyambut hari raya. Anehnya, bil September saya juga dikira 42 hari. Apa pula perayaan yang disambut pada September sehingga pekerja TNB lewat mengira bil elektrik?

Tempoh bil mengelirukan

Tambahan pula, tempoh bil itu sangat mengelirukan saya. Bil Ogos 2013 dicatat tarikh ‘13-7-2013 – 26-8-2013’, manakala bagi September 2013, tempoh bil adalah ‘13-8-2013 – 24-9-2013’. Mengapakah pengiraan tidak dibuat selepas tarikh 26-8-2013? mesti dibelakangkan tarikh itu iaitu 13-8-2013? Rungilah saya. Tambahan pada bil itu saya perlu bayar RM20.45 kerana tempoh kiraan mele-

bihi 31 hari. Nampaknya saya akan terima surat penjelasan yang sama seperti Ogos dan jawapan panggilan telefon yang sama juga alasan. Paling malang, saya diberikan bil pelaras yang tarikh ke belakang di mana saya tidak mampu untuk mengesahkan meter elektrik saya.

Saya kecewa dengan penjelasan dan kerumitan yang dialami. E-mel saya berhubung masalah yang sama telah dirujuk kepada TNB CARELINE dan saya mendapat maklum balas e-mel dengan memaklumkan nombor laporan saya ialah 1765822. Saya mengharapkan masalah ini selesai dengan integriti, malangnya saya masih menerima bil lebih tempoh bacaan dan tempoh tarikh bil yang ke belakang.

Zul Haizal Zainal Abidin
Pengguna TNB